

Kanun Tanah Negara

Borang 9 A

(Seksyen 137)

PERMOHONAN UNTUK MEMECAHKAN SEMPADAN TANAH

Kepada Pentadbir Tanah, Daerah

Saya,

yang beralamat di

tuan punya tanah yang berikut—

*Bandar/Pekan/Mukim No. Lot

Jenis dan No. Hakmilik Luas

dengan ini memohon kelulusan untuk memecahkan sempadan tanah itu kepada
bahagian, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan pecah sempadan yang dicadangkan itu yang
ada dikembarkan bersama ini.

*Bagi maksud-maksud penjelasan, maka saya kembarkan juga suatu surat huraiān.

2. Sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 137, Kanun Tanah Negara, maka sekarang saya
hantar—

- (a) bayaran yang ditetapkan sebanyak ringgit;
- (b) pelan yang tersebut di atas bersama dengan salinannya;
- *(c) satu salinan surat kelulusan daripada Pihak berkuasa Perancang;
- *(d) satu surat persetujuan daripada tiap-tiap seorang daripada orang yang
berikut (iaitu orang-orang yang persetujuan mereka dengan bertulis adalah dikehendaki
kerana sebab-sebab tertentu yang dinyatakan dalam tiap-tiap surat itu)†—
 - (1)
 - (2)
 - (3)

3. Saya dengan ini mengaku bahawa, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan yang
dikembarkan bersama ini, suatu jalan masuk yang memuaskan ke tiap-tiap satu bahagian pecahan
sempadan (melainkan sesuatu bahagian dari mana akan ada jalan masuk terus ke sesuatu jalan,
sungai, tempat di pantai pasang surut atau stesen keretapi, atau ke sesuatu tempat di dalam tanah
itu dari mana sesuatu jalan masuk yang seumpama itu boleh didapati dengan jalan membuat
permohonan untuk suatu hak lalu lalang yang diberi oleh Pentadbir Tanah) akan diadakan—

- *(i) dengan suatu jalan persendirian yang suatu hakmilik yang berasingan akan dikeluarkan
baginya;
- *(ii) atas tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik kepada Pihak berkuasa
Negeri;
- *(iii) dengan suatu hak lalu lalang yang akan diisyiharkan oleh Pentadbir Tanah.

Untuk digunakan hanya jika tanah itu termasuk di bawah penetapan yang dibuat oleh Pihak-berkuasa Negeri menurut seksyen 136 (2), Kanun Tanah Negara.

*4. Berkenaan dengan tanah yang akan disifatkan sebagai telah diserahkan balik mengikut perenggan kecil (ii) di atas itu maka saya dengan ini mengaku akan membina suatu jalan menurut darjah yang ditentukan oleh Pihak berkuasa Negeri.

Bertarikh pada..... haribulan....., 19.....

Tandatangan Tuanpunya

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT SAHAJA

(A) Cukai bagi tahun ini telah dibayar.

Pentadbir Tanah.....

(B) (1) Pecah sempadan sebagaimana dalam pelan yang dikembarkan bersama ini diluluskan.
 (2) Satu salinan pelan tersebut disimpan.

Tandatangan

Pihak Berkuasa Perancang.....

(C) Pecah sempadan diluluskan *tertakluk kepada perubahan-perubahan yang berikut—

Bertarikh pada..... haribulan....., 19.....

Pengarah/Pentadbir Tanah

* Potong sebagaimana yang sesuai.

† HURAIAN—Persetujuan dengan bertulis adalah dikehendaki daripada tiap-tiap orang atau badan yang berhak mendapat faedah daripada—

- (i) pajakan kesemua tanah itu atau sesuatu bahagiannya *melainkan suatu bahagian yang betul-betul bersamaan dengan satu daripada bahagian-bahagian pecahan sempadan yang dicadangkan itu;*
- (ii) gadaian tanah itu, atau gadaian pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i);
- (iii) *lien* atas tanah itu, atau atas pajakan sebagaimana yang dinyatakan dalam (i).

[Borang ini diterjemahkan oleh Peguam Negara, Malaysia, menurut Pemberitahu Undangan No. 12 tahun 1964—A.G. 3309 S.F. 1; P.T. TM. 5/65 (4)].